



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

PANDUAN PELEPASAN BARANG TERPAKAI (SKIM MARGIN)

KANDUNGAN

PENGENALAN	Error! Bookmark not defined.
G ambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan.....	1
OPERASI INDUSTRI SECARA AM.....	Error! Bookmark not defined.
Skim Margin.....	1
ORANG YANG LAYAK UNTUK SKIM.....	Error! Bookmark not defined.
BARANG YANG LAYAK DI BAWAH SKIM MARGIN	3
Maksud 'Kenderaan motor terpakai'	3
Transaksi yang melayakkan barang memasuki skim ini	3
Apakah yang dimaksudkan 'margin'?	Error! Bookmark not defined.
SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN DI BAWAH SKIM INI	4
BAGAIMANA SKIM MARGIN INI BEROPERASI	5
Perolehan oleh orang berdaftar Skim Margin CBP	5
Transaksi menggunakan Skim Margin (cukai output).....	6
Orang berdaftar SM CBP menggunakan Transaksi biasa (cukai output)	7
NILAI TRANSAKSI	7
PENGIRAAN DAN PERAKAUNAN CUKAI OUTPUT DI BAWAH SKIM MARGIN .	7
Bila perlu mengakaun cukai output.....	8
REKOD	8
PEMBELIAN BARANG TERPAKAI DARIPADA INDIVIDU/ ORANG TIDAK BERDAFTAR	10
JUALAN KENDERAAN MOTOR TERPAKAI	10
TRANSAKSI SEWA BELI MENGGUNAKAN SKIM MARGIN	11
SOALAN LAZIM	13
Pengenaaan Cukai Output	13
Tuntutan Cukai Input	13

MAKLUMBALAS DAN KOMEN	14
MAKLUMAT LANJUT	14

PENGENALAN

1. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan dalam memahami perkara yang berkaitan dengan Layanan CBP bagi Pelepasan Barang Terpakai (Skim Margin).

Gambaran Keseluruhan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

2. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) adalah cukai berperingkat bagi penggunaan tempatan. CBP dikenakan ke atas semua pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan di Malaysia kecuali bagi pembekalan yang dikecualikan secara khusus. CBP juga dikenakan ke atas pengimportan barang dan perkhidmatan ke dalam Malaysia.

3. Pembayaran cukai dibuat secara berperingkat oleh perantara dalam proses pengeluaran dan pengedaran. Walaupun cukai dibayar di sepanjang rangkaian pengeluaran dan pengedaran, hanya nilai ditambah di setiap peringkat dikenakan cukai dan dengan itu mengelakkan cukai berganda.

4. Di Malaysia, seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 20XX dikenali sebagai "orang berdaftar". Seorang orang berdaftar dikehendaki mengenakan CBP (cukai output) ke atas pembekalan bercukai barang dan perkhidmatan yang dibuat kepada pelanggannya. Dia dibenarkan untuk menuntut apa-apa CBP yang ditanggung dalam pembeliannya (cukai input) yang merupakan input bagi perniagaannya. Oleh itu, cukai itu sendiri bukanlah kos kepada perantara dan tidak wujud sebagai perbelanjaan dalam penyata kewangan mereka.

OPERASI AM INDUSTRI

Skim Margin (SM)

5. CBP biasanya dikenakan pada nilai penuh barang yang dijual. Skim margin membenarkan orang berdaftar skim margin CBP yang memenuhi syarat untuk

mengira CBP ke atas **margin**, iaitu perbezaan di antara harga barang yang diperoleh dengan harga apabila ianya dijual. Sekiranya tiada margin diperoleh disebabkan harga belian melebihi harga jualan maka tiada CBP yang kena dibayar.

6. Bagi maksud CBP, margin di bawah skim ini bermakna perbezaan di antara harga jualan dan harga belian. Jika ada apa-apa nilai yang ditambah kepada barang yang layak seperti kos pembaikan, kos ini adalah sebahagian daripada margin selain daripada keuntungan. Dalam perkataan lain, nilai yang ditambah mestilah dimasukkan dalam harga jualan dan bukannya harga belian.

7. Perniagaan belian dan jualan barang biasanya boleh mendapatkan semula CBP yang dikenakan ke atas stok mereka sebagai cukai input. Tetapi jika kebanyakan daripada perolehan stok dibeli dari orang awam yang bukan orang berdaftar CBP ataupun daripada peniaga lain yang menggunakan skim margin maka tiada CBP untuk dituntut. Skim margin bermakna, CBP masih dikenakan tetapi hanya ke atas nilai yang ditambah bagi barang itu ataupun ke atas keuntungan yang diperoleh dari jualan barang itu. Dengan membuat pengiraan CBP ke atas margin, skim ini dapat mengelak cukai berganda apabila barang terpakai itu memasuki semula kitaran ekonomi.

8. Seorang orang berdaftar yang tidak berhasrat untuk menggunakan skim margin bagi barang yang layak mestilah mengakaun CBP secara normal atau biasa. Di bawah Skim Margin, tiada cukai input untuk dituntut bagi pembelian (cukai input tidak boleh dituntut) dan CBP dibenarkan ke atas 'margin'. Walau bagaimanapun, jika barang yang layak dijual tetapi semua syarat skim ini tidak dipatuhi, (seperti penyimpanan rekod, invois, dan keperluan perakaunan) Skim Margin tidak boleh digunakan dan jualan mestilah dibuat di luar skop skim ini, di mana CBP dikenakan atas harga penuh jualan.

ORANG YANG LAYAK UNTUK SKIM MARGIN

9. Mana-mana orang kena cukai yang terlibat dalam perniagaan jual beli kenderaan bermotor terpakai adalah layak untuk memohon skim ini tertakluk kepada kelulusan yang diberi oleh Ketua Pengarah Kastam.

BARANG YANG LAYAK DI BAWAH SKIM MARGIN

10. Skim ini adalah terpakai bagi kenderaan motor terpakai jika orang yang diluluskan di bawah skim ini membeli kenderaan terpakai ini daripada orang yang tidak berdaftar CBP termasuk individu. Skim ini juga terpakai bagi kenderaan motor terpakai yang pada mulanya tertakluk kepada cukai jualan sebelum GST berkuat kuasa dan akan niagakan dalam era GST.

Maksud 'Kenderaan motor terpakai'

11. "Kenderaan motor" ertinya kenderaan mekanikal digerakkan bertujuan atau disesuaikan untuk kegunaan di jalan raya.

12. Bagi maksud CBP, kenderaan terpakai adalah apa-apa kenderaan bermotor terpakai yang telah didaftarkan di Jabatan Pengangkutan Jalan di Malaysia. Definisi ini, bagaimanapun, tidak termasuk kenderaan bermotor yang didaftarkan di negara asing.

13. Kenderaan bermotor termasuklah seperti berikut:

- (i) Kenderaan motor yang direka untuk mengangkut orang seperti kereta, van, motorsikal, ambulan, bas;
- (ii) Kenderaan motor yang direka untuk mengangkut barang seperti lori, van, trak;
- (iii) Kenderaan motor yang direka selain daripada kenderaan yang pada dasarnya direka untuk mengangkut orang atau barang, iaitu kenderaan motor bertujuan khas seperti lori kren, lori pembancuh konkrit, kenderaan penyapu jalan, kereta bomba, treler, traktor, foklif

Senarai ini tidak menyeluruh.

Transaksi yang melayakkan barang memasuki skim ini

14. Kenderaan bermotor layak untuk menggunakan skim margin selepas jualan pertama dan berikutnya. Barang yang tidak tertakluk kepada cukai jualan sebelum era CBP, boleh menjadi layak di bawah skim ini jika jualan yang pertama berlaku dalam era CBP. Contoh barang yang jatuh di bawah kategori ini ialah motosikal dengan

kapasiti enjin tertentu (cc) dan traktor.

SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN DI BAWAH SKIM INI


15. Seseorang boleh memohon untuk skim ini tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Seseorang itu mestilah berdaftar dengan CBP
- (ii) Barang mestilah dibeli daripada individu atau orang yang tidak berdaftar CBP (tiada CBP ditanggung ke atas pembelian); atau barang mestilah dibeli daripada orang berdaftar SM CBP yang menggunakan skim margin; atau barang yang cukai inputnya disekat yang diperoleh dari orang berdaftar CBP;
- (iii) Barang yang dibeli dan dijual di bawah skim margin mesti merupakan barang yang sama. Walaubagaimana pun , pembaikan, pengubahsuaian yang mana tidak memberi kesan ke atas keaslian dan ciri-ciri penting barang tersebut adalah dibenarkan.
- (iv) CBP mesti diakaunkan ke atas margin di antara harga jualan dan harga belian;
- (v) Tiada inoivis cukai dikeluarkan oleh orang diluluskan (pembekal) di bawah skim ini dan oleh itu tiada cukai input boleh dituntut oleh pembeli. Orang yang diluluskan mestilah mematuhi kehendak-kehendak penyelenggaraan dan penyimpanan rekod di bawah skim ini

BAGAIMANA SKIM MARGIN INI BEROPERASI


16. Perolehan oleh orang berdaftar Skim Margin CBP

Senario 1



Di bawah senario 1, seseorang pembeli, yang merupakan orang berdaftar SM CBP, boleh membeli barang daripada individu atau orang tidak berdaftar. Tiada inuis cukai dikeluarkan oleh penjual (iaitu tiada CBP dikenakan ke atas jualan). Tiada cukai input boleh dituntut oleh pembeli. Pembeli kemudiannya mempunyai pilihan sama ada hendak menggunakan skim margin atau tidak apabila ia menjual barang berkenaan.


Senario 2



Di bawah senario 2, seorang pembeli yang merupakan orang berdaftar SM CBP boleh membeli barang daripada orang berdaftar CBP yang juga mendaftar di bawah Skim Margin. Tiada inoivis cukai dikeluarkan oleh penjual tetapi CBP dikenakan ke atas margin. Pembeli tidak boleh menuntut cukai input walaupun CBP dikenakan (tetapi hanya ke atas margin). Pembeli kemudiannya mempunyai pilihan sama ada hendak menggunakan skim margin atau tidak apabila ia menjual barang berkenaan.

17. Transaksi menggunakan Skim Margin (cukai output)

Senario 3




Di bawah senario 3, apabila orang berdaftar SM CBP menjual kenderaan

bermotor menggunakan skim margin kepada individual, orang berdaftar CBP, orang berdaftar SM CBP atau orang tidak berdaftar, ia akan mengeluarkan **invois biasa** dan mengakaun cukai output berdasarkan kepada margin. Cukai output adalah termasuk dalam margin. **Walau bagaimanapun, pembeli tidak boleh menuntut cukai input ini.**

18. Orang berdaftar SM CBP menggunakan Transaksi biasa (cukai output)

Senario 4



Di bawah senario 4, apabila orang berdaftar SM CBP menjual barang kepada pembeli menggunakan transaksi biasa, invois cukai akan dikeluarkan dan cukai output akan diakaunkan berdasarkan kepada **nilai jualan sebenar**.

TRANSAKSI YANG MELIBATKAN ORANG YANG ADA HUBUNGAN

19. Di bawah skim margin, cukai output dikenakan berdasarkan kepada perbezaan di antara harga jualan dengan harga belian (margin). Walau bagaimanapun, bagi transaksi yang melibatkan orang yang ada hubungan, harga jualan adalah berdasarkan nilai pasaran terbuka.

PENGIRAAN DAN PERAKAUNAN CUKAI OUTPUT

20. Illustrasi mudah mengenai pengiraan cukai output (Margin adalah termasuk

CBP)

Contoh 1

Abby penjual kereta adalah orang berdaftar SM CBP yang telah membeli sebuah kereta terpakai daripada Chai penjual kereta terpakai, yang merupakan orang tidak berdaftar CBP, dengan harga RM45,000.00. Abby kemudiannya menjual kereta terpakai itu kepada individu, Encik Pillai dengan harga RM50,000.00 menggunakan skim margin.

Harga Jualan	RM50,000
Harga Kos	RM45,000
Margin Kasar	RM(50,000 – 45,000) =RM5,000
CBP	6/106 x RM5,000 = RM283.00 (Tidak ditunjukkan dalam invoice)
Nilai kereta	Harga Jualan ditolak CBP = RM(50,000 – 283.00) = RM49,717.00
Cukai output	RM283.00
Cukai Input	RM0.00 (tiada cukai input dituntut oleh pembeli memandangkan penjual tidak di benarkan untuk mengeluarkan invoice cukai)

Bila perlu mengakaun cukai output

21. Mana-amana orang berdaftar SM mestilah mengakaun cukai output bagi pembekalan yang dibuat di bawah Skim Margin pada masa seperti berikut, yang mana lebih awal:

- (a) apabila barang dipindahkan atau tersedia;
- (b) apabila suatu invoice dikeluarkan; atau
- (c) apabila pembayaran diterima.

REKOD

22. Secara umumnya, orang yang kena cukai di bawah CBP dikehendaki menyimpan rekod urus niaga perniagaan. Rekod dan dokumen adalah termasuk

semua buku akaun , cetakan komputer sekiranya menggunakan komputer serta dokumen sokongan yang berkaitan. Sekiranya rekod dalam bentuk elektronik yang boleh dibaca, manual atau perisian (manual or software) mestilah disediakan. ***Untuk maklumat sila rujuk panduan invois cukai dan penyimpanan rekod***

23. Perniagaan yang menjual barang di bawah skim margin ini , sebagai tambahan kepada keperluan di atas, mestilah menyimpan invois pembelian dan salinan invois jualan, berserta dengan buku stok atau rekod yang seumpamanya.

24. Buku stok atau rekod yang seumpamanya yang perlu dikemaskini dan di simpan adalah seperti berikut :

(a) Data terperinci pembelian

- (i). Nombor buku stok
- (ii). Tarikh transaksi
- (iii). Nombor invois belian
- (iv). Nama dan alamat penjual
- (v). Nombor pendaftaran kenderaan, enjin dan nombor casis
- (vi). Model dan buatan
- (vii). Jumlah harga belian

(b) Data terperinci jualan

- (i) Tarikh jualan
- (ii). Nombor invois jualan
- (iii). Nama dan alamat pembeli
- (iii). Jumlah harga jualan
- (iiv). Nombor pendaftaran kenderaan, enjin dan nombor casis
- (iv). Model dan buatan

(c) Data terperinci perakaunan

- (i). Harga belian
- (ii). Harga Jualan

- (iii). Margin
- (iv). Kadar cukai pada tarikh jualan
- (v). CBP yang kena dibayar

25. Untuk tujuan perakaunan, orang yang diluluskan juga dibenarkan untuk memasukkan item-item lain dalam buku stok atau rekod yang seumpamanya tetapi butir-butir yang disenaraikan di atas perlu sentiasa ditunjukkan. Di samping itu, stok buku atau rekod yang sama mesti sentiasa dikemaskini dan rekod-rekod hendaklah disimpan selama 7 tahun.

PEMBELIAN BARANG TERPAKAI DARIPADA INDIVIDU/ ORANG TIDAK BERDAFTAR

26. Apabila membeli kenderaan motor terpakai daripada individu atau orang tidak berdaftar, buku stok mestilah diselenggara yang menunjukkan:

- (i) Nama dan alamat penjual
- (ii) Nombor rujukan stok (mengikut susunan nombor)
- (iii) Tarikh perolehan(pembelian)
- (iv) Maklumat kereta seperti nombor pendaftaran, buatan, model, enjin, kenderaan dan nombor casis
- (v) Jumlah harga belian

27. Penjual mestilah menandatangani dan mencatatkan tarikh jualan di atas baucar bayaran mengesahkan bahawa dia adalah penjual kenderaan tersebut pada harga yang tercatat dalam baucar berkenaan

JUALAN KENDERAAN MOTOR TERPAKAI

28. Apabila seorang yang berdaftar SM menjual kenderaan terpakai menggunakan skim margin, dia mestilah menyelenggara rekod-rekod berikut;

- (a) **Invois jualan** yang dikeluarkan di bawah Skim Margin mesti menunjukkan maklumat seperti berikut:
 - (i) Nama dan alamat penjual

- (ii) Nombor pendaftaran CBP dan nombor skim margin
- (iii) Nama dan alamat pembeli
- (iv) Nombor stok
- (v) Nombor inuis jualan
- (vi) Tarikh inuis jualan
- (vii) Maklumat kenderaan seperti nombor pendaftaran, buatan, model, nombor enjin dan nombor casis
- (viii) Jumlah harga jualan
- (ix) Tandatangan dan tarikh atas inuis yang mengesahkan bahawa **“Tolakan cukai input telah tidak dan tidak akan dituntut berhubung dengan kenderaan yang telah dijual dalam inuis ini”**.
- (x) Kenyataan yang menyatakan bahawa **“Inuis ini bukan inuis cukai”** dalam inuis jualan berkenaan.

TRANSAKSI SEWA BELI MENGGUNAKAN SKIM MARGIN

29. Ini adalah suatu transaksi di mana pembeli kereta mendapatkan bantuan kewangan daripada institusi kewangan; pinjaman itu akan menjadi sebahagian daripada harga belian sementara selebihnya akan dibayar oleh pembeli. Lazimnya, pembeli akan meletakkan deposit sebelum membeli barang tersebut. Ini bererti bahawa deposit tersebut boleh menjadi sebahagian daripada pembayaran yang dibuat untuk membeli barang itu. Dalam perkataan lain, deposit tidak dikembalikan jika ia menjadi sebahagian daripada pembayaran dan dengan itu tertakluk kepada CBP. Pengiraan CBP yang dikenakan adalah ditunjukkan dalam contoh di bawah:

Contoh 1

Jika pembeli membeli kenderaan terpakai daripada anda (kereta yang anda beli daripada seorang individu yang bukan orang berdaftar CBP), anda boleh menggunakan skim margin apabila menjual kenderaan itu kerana CBP tidak dikenakan oleh pemilik terdahulu.

Pembeli meletakkan deposit RM10,000.00 (sebagai bayaran pendahuluan)

untuk membeli kenderaan terpakai. Anda akan mengeluarkan resit kepadanya atas deposit itu. Harga jualan anda adalah termasuk deposit. Ini bermakna bahawa deposit itu adalah sebahagian daripada pembayaran dan dengan itu tertakluk kepada CBP. CBP diakaunkan berdasarkan kepada jumlah amaun harga jualan (iaitu deposit + pinjaman). Tetapi, isunya di sini ialah bagaimana CBP sepatutnya diakaunkan terutamanya apabila deposit dibayar dalam tempoh bercukai yang berlainan dengan tempoh di mana pinjaman diluluskan oleh institusi kewangan. Dalam kes sebegini, amaun CBP kena diakaunkan akan bergantung kepada sama ada amaun deposit lebih besar daripada amaun margin atau tidak.

Rajah 1: Di bawah ini adalah ilustrasi bagaimana cukai output sepatutnya diakaunkan.

	Senario 1 B.pendahuluan > Margin	Senario 2 B.pendahuluan < Margin
Harga jualan	RM50,000.00 (termasuk CBP)	RM50,000.00 (termasuk CBP)
Bayaran pendahuluan	RM10,000	RM10,000
Pinjaman	RM40,000.00	RM40,000.00
Harga kos penjual	RM45,000.00	RM35,000.00
Margin	RM(50,000 – 45,000) =RM5,000.00	RM(50,000 – 35,000) =RM15,000.00
CBP dikenakan Ke atas jualan	6/106 x RM5,000 =RM283.00	6/106 x RM15,000 =RM849.05
CBP ke atas deposit	6/106 x RM10,000 =RM566.03	6/106 x RM10,000 =RM566.03
CBP yang kena diakaunkan	RM283.00 Amaun ini akan diakaunkan sepenuhnya daripada deposit kerana CBP yang dikenakan ke atas jualan hanya terhad kepada RM283.00 sahaja.	RM849.05 Amaun ini akan diakaunkan sebahagian nya daripada deposit (RM566.03) dan sebahagiannya daripada pinjaman (RM283.02).

Di bawah senario 1, keseluruhan amaun cukai output yang dikenakan

adalah RM283.00. Oleh kerana bayaran pendahuluan lebih besar daripada margin, keseluruhan amaun cukai output hendaklah diambil daripada bayaran pendahuluan. Cukai output ini perlu diikrarkan dalam penyata CBP untuk tempoh bercukai di mana bayaran pendahuluan diterima.

Di bawah senario 2, keseluruhan amaun cukai output yang dikenakan adalah RM849.05. Oleh kerana bayaran pendahuluan lebih kecil daripada margin, sebahagian amaun cukai output hendaklah diambil daripada bayaran pendahuluan iaitu RM566.03. Amaun ini perlulah diikrar dahulu, dalam penyata CBP bagi tempoh bercukai di mana deposit diterima. Cukai output yang selebihnya akan diambil daripada pinjaman, iaitu RM283.02. Amaun ini perlulah diikrar dalam penyata CBP bagi tempoh bercukai di mana pinjaman diluluskan.

Untuk kedua-dua senario, invois biasa dikeluarkan kepada institusi kewangan.

SOALAN LAZIM

Pengenaan Cukai Output

S1: Adakah saya perlu mengakaun CBP jika saya menjual kenderaan bermotor terpakai dengan kerugian?

J1: Tidak, CBP tidak perlu dikenakan jika jualan adalah dengan kerugian.

S2: Apakah implikasi CBP di bawah skim margin?

J2: Penjual hanya mengakaun CBP atas margin tetapi dia tidak boleh menuntut CBP yang ditanggung dalam harga belian.

Tuntutan Cukai Input

S3: Bagaimanakah skim margin boleh memberi kesan *overheads* saya?

J3: Anda boleh menuntut CBP atas segala *overheads* perniagaan anda seperti sewa pejabat dan utiliti. Tetapi anda mestilah tidak memasukkan kos-kos ini ke dalam harga belian barang yang anda jual menggunakan skim margin.

S4: Pembekal saya mengenakan saya CBP ke atas alat-alat ganti yang saya tukar ke atas kereta terpakai yang dibeli di bawah skim margin. Bolehkah saya menuntut CBP yang ditanggung sebagai KCI saya?

J4: Ya, anda boleh menuntut cukai input yang ditanggung.

MAKLUMBALAS DAN KOMEN

30. Sebarang maklumbalas atau komen amatlah dihargai. Sila e email maklumbalas atau komen anda kepada Mohd Hisham B. Mohd Nor (m_hisham.nor@customs.gov.my) atau Aminul Izmeer B. Mohd Sohaimi (izmeer.msohaimi@customs.gov.my).

MAKLUMAT LANJUT

31. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

- (a) Laman Wen CBP : www.gst.customs.gov.my
- (b) Hotline CBP : 03-88822111
- (c) Pusat Panggilan Kastam :
 - Tel : 03- 7806 7200/ 1-300-888-500
 - Faks : 03- 7806 7599
 - E-mail : ccc@customs.gov.my